



**HADITH BERKAITAN ELEMEN PEMIKIRAN KRITIS:
ANALISIS KITAB AL-'ILM DALAM AL-ŞAHÎĤAIN**

**[HADITHS ON ELEMENTS OF CRITICAL THINKING:
AN ANALYSIS OF KITĀB AL-'ILM IN THE ŞAHÎĤAYN]**

NUR AFIQAH ROSDI¹ & KHADHER AHMAD¹

^{1*} Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: khadher82@um.edu.my

Correspondent Email: khadher82@um.edu.my

Received: 11 August 2025

Accepted: 2 September 2025

Published: 30 September 2025

Abstrak: Kajian ini dijalankan bagi mengkaji teori pemikiran kritis Paul-Elder serta mengenal pasti hadith yang mengandungi elemen pemikiran kritis. Pemilihan teori Paul-Elder sebagai sandaran teori utama kajian kerana susunannya yang jelas, sistematik, fleksibel dan sesuai diaplikasikan dalam pelbagai disiplin ilmu termasuk bidang kajian Islam. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan dokumentasi bagi meneliti dan menganalisis hadith-hadith berkaitan elemen pemikiran kritis yang terdapat dalam *Kitab al-'Ilm* daripada *al-Şahîĥain*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat sejumlah hadith yang menonjolkan aplikasi tujuh elemen pemikiran kritis menurut teori Paul-Elder. Elemen-elemen tersebut adalah sifat intelek merendah diri, memiliki empati intelek, menetapkan objektif yang jelas, mengenal pasti relevansi maklumat yang berkaitan, mementingkan fakta dan teori, meluaskan sudut pandang, serta membina kesimpulan bersesuaian dengan konteks semasa. Kesemua elemen ini memperlihatkan bahawa tradisi keilmuan Islam sebenarnya telah lama menekankan aspek pemikiran kritis sebagai asas pengembangan ilmu dan pembentukan adab. Kajian ini turut membuktikan bahawa matlamat utama penguasaan kemahiran pemikiran kritis adalah untuk menggerakkan sepenuhnya kapasiti dan kemampuan akal selaras dengan kehendak wahyu. Justeru itu, setiap aktiviti intelektual yang dilaksanakan mesti diintegrasikan dengan wahyu agar menghasilkan natijah yang baik iaitu pemikiran yang seimbang, tingkah laku berakhlak dan ketaatan kepada syariat. Sumbangan utama kajian ini adalah untuk memperlihatkan bagaimana ilmu pemikiran kritis moden seperti yang dikemukakan oleh Paul-Elder dapat dihubungkan dengan sumber wahyu Islam melalui analisis hadith.

Kata kunci: Pemikiran Kritis, Paul-Elder, Hadith, Fiqh Hadith, *al-Şahîĥain*

Abstract: This study aims to examine Paul-Elder's critical thinking theory and to identify hadiths that contain critical thinking elements. Paul-Elder's framework was chosen as the main theoretical foundation because of its clarity, systematic structure, flexibility, and applicability across various disciplines, including Islamic studies. Methodologically, the study employs a qualitative design using a documentary approach to examine and analyse hadiths related to critical thinking elements found in *Kitab al-'Ilm* of *al-Şahîĥain*. The findings reveal that several hadiths highlight the application of seven elements of critical thinking as outlined by Paul-Elder's theory. These include intellectual humility,

intellectual empathy, establishing clear objectives, identifying the relevance of information, valuing facts and theories, broadening perspectives, and drawing conclusions appropriate to the contemporary context. These elements demonstrate that the Islamic intellectual tradition has long emphasised critical thinking as a foundation for the advancement of knowledge and the cultivation of *adab* (proper conduct). Furthermore, the study affirms that the ultimate aim of mastering critical thinking skills is to fully mobilise the capacity of the intellect in harmony with divine revelation. Consequently, every intellectual activity must be integrated with revelation to yield constructive outcomes, namely balanced reasoning, ethical conduct, and obedience to the *Shari'ah*. The primary contribution of this study is to illustrate how modern critical thinking theory, as formulated by Paul-Elder, can be meaningfully connected with Islamic revelation through *hadith* analysis, thereby affirming its relevance not only in secular contexts but also in strengthening the integration of reason, ethics, and faith in Islamic scholarship.

Keywords: Critical Thinking, Paul-Elder, *Hadith*, *Fiqh al-Hadith*, *al-Shāḥihain*



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nur Afiah Rosdi¹ & Khadher Ahmad. 2025. *Hadith Berkaitan Elemen Pemikiran Kritis: Analisis Kitab al-'Ilm dalam al-Shāḥihain* [Hadiths on Elements of Critical Thinking: An Analysis of *Kitāb al-'ilm* in the *Shāḥihayn*]. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)*, 5(3), 12-33.

PENGENALAN

Definisi pemikiran kritis tidak terikat kepada pengertian yang konkrit dan seragam kerana ia berbeza mengikut perspektif bidang ilmu, aliran pemikiran dan objektif sesuatu lapangan ilmu tersebut. Meskipun begitu, ramai para sarjana dalam bidang ini telah memperlihatkan kesungguhan mereka untuk membina konsep pemikiran kritis melalui definisi setelah menilai kesesuaiannya dengan hasil dapatan kajian dan kefahaman masing-masing. Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa pemikiran kritis adalah suatu proses mental yang aktif bertujuan melakukan refleksi terhadap cara berfikir dalam memastikan supaya keseluruhan proses pemikiran diaplikasikan dengan kejujuran, ketelusan dan berstruktur bagi membentuk kefahaman yang tepat tentang sesuatu perkara.

Menurut sudut pandang Barat, kesedaran tentang keterbatasan akal manusia menjadi titik tolak perumusan teori pemikiran kritis. Mereka bersepakat bahawa akal tidak berfungsi secara automatik untuk mengenal pasti kebenaran, sebaliknya ia mudah dipengaruhi oleh faktor luaran seperti persekitaran sosial, politik, ekonomi, agama, nilai budaya, kepentingan peribadi dan kecenderungan individu. Faktor-faktor ini sering menimbulkan bias yang berpotensi memesonkan proses penilaian, menghasilkan gambaran realiti yang bercanggah dengan fakta lalu membentuk kefahaman berdasarkan andaian yang subjektif (Elder & Paul 2013, 34). Justeru itu, para sarjana Barat menyatakan keperluan kepada sistem berfikir yang berstruktur bagi memastikan aktiviti mental dapat dinilai, ditambahbaik dan dibaiki dalam keadaan sedar. Keperluan ini yang menyebabkan kemunculan pelbagai model pemikiran kritis seperti *Bloom's Taxonomy*, *The Paul-Elder Model* dan *The Toulmin Model* yang memperincikan kaedah berfikir yang teratur mengikut aliran proses yang terlibat (Paul & Elder 2007, 17). Teori-teori ini menekankan kejelasan tujuan, pengumpulan maklumat daripada sumber berautoriti, penilaian

yang adil dengan pertimbangan daripada pelbagai perspektif, membuat jangkaan dan membentuk kesimpulan yang mengambil kira aspek kesan dan implikasi. Matlamat akhir daripada kerangka ini adalah melahirkan individu yang adil, terbuka serta mampu membuat keputusan dengan rasional dan matang. Walaupun nilai kesaksamaan yang diketengahkan daripada hasil kajian Barat memperlihatkan unsur positif seperti meraikan perbezaan dan keterbukaan terhadap idea, ia juga membuka ruang kepada relativisme kerana kebenaran dianggap bersifat tidak mutlak, sentiasa relatif dan terdedah kepada pengaruh bias individu (Eleanor 2014, 23). Konsep “berfikir adil” menurut Barat pula boleh membawa kepada egosentrisme kerana menjadikan persamaan pendapat atau bilangan majoriti sebagai ukuran kebenaran, sedangkan kayu ukur yang digunakan tidak menjamin ketepatan. Selain itu, konsep kebenaran dalam tradisi Barat sering dilihat sebagai sesuatu yang mustahil untuk dicapai secara komprehensif. Justeru ia kekal sebagai ideal yang sukar dirumuskan dan menyebabkan kerangka pemikiran kritis Barat seakan membuka ruang kepada pengaruh subjektiviti, meskipun ia menekankan aspek refleksi kepada kaedah berfikir sendiri (William 2004, 115-116).

Berbeza dengan perspektif pemikiran kritis menurut kerangka Islam yang melihat akal sebagai anugerah daripada Allah SWT dan mengiktiraf kurniaan ini sebagai pembeza antara penciptaan manusia dengan makhluk-Nya yang lain. Fungsi akal bukan untuk dibiarkan apatah lagi bebas digunakan tanpa panduan, sebaliknya mesti dipandu oleh wahyu agar selari dengan fitrah penciptaannya. Al-Quran dan hadith menjadi sumber utama yang menetapkan etika penggunaan akal dengan objektif akhir bagi aktiviti berfikir adalah untuk mengenal, mengakui dan tunduk kepada kebesaran Allah SWT (Abdul Mukti 2018, 235-236). Menurut tradisi Islam, konsep pemikiran kritis dapat dikonsepskan melalui istilah-istilah daripada al-Quran seperti *tafakkur* (merenung ciptaan Allah dengan mendalam), *tadabbur* (menggali hikmah al-Quran sehingga ke pengakhiran makna), *tadhakkur* (mengambil pengajaran daripada sejarah kisah-kisah umat terdahulu), *tafaqquh* (memperoleh kefahaman benar berdasarkan disiplin ilmu) dan *ta'addul* (menggerakkan akal sepenuhnya untuk memahami ciptaan dan sejarah kisah-kisah umat terdahulu demi mengenal Allah) (Tanzil.net 2024). Istilah-istilah ini memperlihatkan bahawa konsep pemikiran kritis dalam Islam menghubungkan aspek analisis intelektual dan memasukkan aspek refleksi spiritual yang menghubungkan cara dan tujuan penggunaan akal dengan iman. Dengan hal yang demikian, pemikiran kritis menurut Islam lebih bersifat komprehensif kerana menghubungkan proses mental dengan tujuan akhirnya yang jelas iaitu mengakui kebenaran wahyu. Hal ini kerana, manual penggunaan akal iaitu wahyu disusun oleh Pencipta akal itu sendiri. Justeru itu, konsep pemikiran kritis menurut Islam bukan sahaja membentuk individu yang rasional dan adil, bahkan juga melahirkan insan yang beradab, berintegriti serta taat kepada aturan syariat.

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini berbentuk kajian kualitatif menggunakan pendekatan dokumentasi yang memerlukan pengkaji untuk meneliti, menganalisis dan menginterpretasi data-data yang berbentuk teks dengan lebih mendalam. Bagi tujuan tersebut, penelitian difokuskan terhadap teori pemikiran kritis Paul-Elder serta himpunan hadith yang terkandung dalam *Kitab al-'Ilm* daripada al-

Ṣaḥīḥain. Analisis ini bertujuan mengenal pasti dan menghuraikan elemen-elemen pemikiran kritis yang diaplikasikan berdasarkan kandungan hadith tersebut. Selain itu, pendekatan kualitatif juga akan memperluaskan contoh-contoh daripada hadith yang menampilkan aplikasi elemen-elemen pemikiran kritis. Contoh-contoh ini berfungsi sebagai pengukuhan dapatan kajian serta menunjukkan kesesuaian elemen yang dikaji dalam konteks pemikiran kritis menurut Islam. Pemilihan teori Paul-Elder sebagai kerangka utama adalah berasaskan beberapa justifikasi. Pertama, teori ini disusun dengan jelas dan sistematik, sekali gus memudahkan proses analisis. Kedua, ia bersifat fleksibel dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai disiplin ilmu. Ketiga, teori ini dianggap lebih kontemporari berbanding teori-teori lain yang menjadikannya lebih relevan dalam konteks kajian semasa. Walau bagaimanapun, skop kajian ini dihadkan hanya kepada tujuh elemen utama dalam teori Paul-Elder. Had ini ditetapkan bagi memastikan perbincangan lebih fokus, mendalam dan tidak terlalu meluas sehingga mengaburkan objektif penyelidikan.

KONSEP PEMIKIRAN KRITIS MENURUT TEORI PAUL-ELDER

Pemikiran kritis merujuk kepada kemahiran minda melakukan proses berfikir dalam keadaan sedar, iaitu menghadirkan diri sepanjang aktiviti berfikir berlaku supaya dapat menambahbaik cara berfikir (Paul & Elder 2012, 1). Dengan hal yang demikian, fungsi akal akan terjaga kerana terlibat secara sedar terhadap proses menganalisis dan menilai input yang diterima untuk membentuk kefahaman berpandukan sumber maklumat yang tepat (Yūsuf al-Qaraḏāwī 1996, 249-250) di samping mematuhi disiplin sesuatu ilmu yang berkaitan. Kefahaman tersebut kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk ungkapan lisan atau tingkah laku yang berintegriti atau berakhlak (Paul & Elder 2012, 345). Model pemikiran kritis yang dibangunkan oleh Paul-Elder menjadi rujukan utama kajian. Dengan hal yang demikian, disertakan gambar rajah model pemikiran kritis yang dibangunkan oleh Paul-Elder.

Rajah 1.1 Model Pemikiran Kritis Paul-Elder.



Sumber: *The Miniature Guide to Critical Thinking Concepts and Tools*, California, 2007

Semasa proses berfikir berlaku secara mental, minda kritis secara automatik akan menggerakkan keseluruhan fungsinya (*The Elements of Thought*) supaya berfikir secara berobjektif, menimbulkan persoalan-persoalan yang relevan, melihat dari sudut pandang yang berbeza, membuat jangkaan awal, mengenal pasti kerelevanan maklumat yang terkumpul dan membina perkaitan antaranya, membina inferens, membentuk konsep serta menjangkakan kesan daripada tindakan yang akan diambil (Elmansy 2024). Setiap aktiviti mental tersebut dilakukan dengan (*are applied to*) lontaran soalan kepada minda sendiri yang menimbulkan persoalan tentang aspek kejelasan, ketepatan, relevansi, logik, keluasan skop, kesesuaian, keutamaan, komprehensif, keseimbangan dan intensiti serta menjadikan aspek-aspek tersebut sebagai piawaian pemikiran (Elmansy 2024). Hasilnya, (*to develop*) beberapa sifat intelek akan mula dipupuk dan membentuk karakter seorang pemikir kritis sebagai bukti cerminan atau *output* kepada pengamalan sistem berfikir yang berstruktur. Antara sifat-sifat intelek tersebut adalah rendah diri, autonomi, integriti, berani, cekal, berimbang dalam kewajaran, empati dan adil (Elmansy 2024). Dengan hal yang demikian, sifat-sifat intelek tersebut menunjukkan karakter seorang pemikir kritis yang sentiasa memulakan proses berfikir dengan kerangka pemikiran yang mengambil kira piawaian pemikiran dan konsisten mengamalkannya ketika berfikir (Paul & Elder 2007, 21).

HADITH-HADITH BERKAITAN ELEMEN PEMIKIRAN KRITIS

Hadith Berkaitan Elemen Sifat Intellect Merendah Diri

Sifat intelek merendah diri merujuk kepada kesedaran bahawa pengetahuan manusia adalah terbatas. Justeru itu, memiliki sifat ini menjadikan seseorang individu itu tidak bersikap angkuh dengan ilmu yang dimiliki, sebaliknya bersedia mengakui kekurangan diri supaya dapat merefleksi kefahaman dan mengubah pendirian apabila dibentangkan dengan hujah yang lebih kukuh (Leary et.al 2017, 1). Kesedaran terhadap keterbatasan ilmu juga menjadikan seseorang peka bahawa ia berhadapan dengan cabaran sifat egosentrik yang mesti ditangani dengan sebaiknya kerana sifat egosentrik berpotensi melahirkan bias dan prejudis dalam penghujahan (Elder & Paul 2012, 30). Individu yang tinggi sifat intelek merendah dirinya cenderung berfikir terbuka, menerima pandangan orang lain serta menjadikan perbezaan pendapat sebagai ruang pembelajaran dan peluang untuk membetulkan pegangan yang salah. Sikap ini meluaskan dimensi pemikiran serta menginsafkan bahawa karakter manusia itu adalah saling memerlukan antara satu sama lain untuk mendapat kefahaman yang komprehensif (Leary et.al 2017, 1). Oleh itu, elemen utama dalam pemikiran kritis ialah pengakuan terhadap keterbatasan ilmu serta kesediaan untuk mendengar dan belajar daripada pelbagai sumber berasaskan komponen mengakui limitasi ilmu dan bersikap terbuka untuk mendengar serta belajar daripada ramai pihak. Hadith yang berkait dengan elemen ini adalah yang diriwayatkan oleh Ibn 'Umar

كُنَّا عِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ فَأَتَانِي بِجُمَارٍ، فَقَالَ: (إِنَّ مِنَ الشَّجَرِ شَجَرَةً، مِثْلُهَا كَمِثْلِ الْمُسْلِمِ). فَأَرَدْتُ أَنْ أَقُولَ: هِيَ النَّخْلَةُ، فَإِذَا أَنَا أَصْغَرُ الْقَوْمِ، فَسَكَتُ، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: هِيَ النَّخْلَةُ.

Terjemahan: Ketika kami berada di samping Nabi SAW, tiba-tiba dibawakan kepadanya umbut tamar. Lalu Baginda bersabda: "Sesungguhnya antara pohon-pohon, terdapat satu pohon yang perumpamaannya seperti seorang Muslim". Lalu aku ingin mengatakan bahawa pohon itu adalah pohon kurma tetapi mengingatkan bahawa aku ialah orang yang paling muda dalam kalangan orang ramai (pada ketika itu), maka aku diam. Baginda SAW bersabda, "Pohon tersebut ialah pohon kurma" (al-Bukhārī, 1993, Hadis no. 72)

Hadith ini memperlihatkan beberapa pengajaran penting khususnya pada aspek pedagogi dan pembentukan akhlak Muslim. Dari aspek pendidikan, Nabi SAW menampilkan kaedah pengajaran yang efektif apabila menggunakan teknik soalan untuk mencetuskan interaksi dua hala serta penerapan analogi yang rapat dengan pengalaman sosial pendengar iaitu penggunaan umbut tamar sepertimana yang diceritakan dalam hadith ini. Dari sudut simbolik, perumpamaan Muslim dengan pohon kurma menggambarkan nilai keberkatan dan kepelbagaian manfaat yang ada pada diri seorang Muslim. Setiap bahagian pokok kurma mempunyai kegunaan tersendiri sama ada kepada manusia mahupun haiwan. Ini melambangkan keperibadian seorang Muslim yang sentiasa berusaha untuk memberi manfaat kepada masyarakat (al-Musāyilī 2020, 29). Selain itu, ciri fizikal kurma turut mengandungi makna kerohanian. Keteguhan batangnya mencerminkan keteguhan iman, pelepahnya yang

payah untuk gugur melambangkan kekuatan jati diri Muslim dalam menghadapi cabaran dalam berdakwah manakala corak pertumbuhannya yang menjulang ke langit menggambarkan keterikatan hati seorang Muslim kepada Allah SWT dan agama. Bahkan, meskipun pokok kurma telah mati atau tidak mengeluarkan buah, manfaatnya tetap masih dapat dinikmati. Perumpamaan ini sama seperti keadaan seorang Muslim yang tetap memberi kebaikan kepada manusia lain walaupun telah meninggal dunia kesan daripada amal jariah dan ilmu bermanfaat yang ditinggalkan (al-Musāyilīhī 2020, 30).

Hadith ini juga menonjolkan adab terhadap golongan yang lebih tua, iaitu mendahulukan pandangan mereka berbanding diri sendiri. Hal ini dapat dilihat apabila Ibn ‘Umar memilih untuk berdiam diri meskipun mengetahui jawapan kepada soalan Nabi SAW itu kerana menghormati para sahabat yang lebih senior dan berilmu. Justeru, Imam al-Bukhārī meletakkan hadith ini dalam Kitab al-Adab di bawah bab *Ikram al-Kabir wa Yabda’u al-Akbar bi al-Kalām wa al-Su’āl*. Sikap ini lahir daripada kesantunan adab serta rasa hormat Ibn ‘Umar terhadap sahabat senior yang lain, di samping kesedaran bahawa beliau merupakan yang paling muda dalam majlis tersebut (al-Musāyilīhī 2020, 34-36). Keilmuan dan kesantunan adab Ibn ‘Umar ini terbina hasil daripada kesungguhannya melazimi Nabi SAW dan para sahabat, sebagaimana yang dihuraikan oleh ‘Abd al-Fattāh al-Musāyilīhī:

فَقَدْ اسْتَفَادَ ابْنُ عُمَرَ الْفَهْمَ وَالْعِلْمَ بِمِلَازِمَةِ النَّبِيِّ ﷺ وَأَصْحَابِهِ

Terjemahan: Ibn Umar memperoleh banyak kelebihan penguasaan ilmu kerana beliau sentiasa melazimi Nabi SAW dan para sahabat Baginda (al-Musāyilīhī 2020, 35)

Sikap kerendahan diri ini bukanlah bermaksud meletakkan limitasi atau menafikan kebolehan diri. Hal ini kerana boleh jadi pendapat golongan muda lebih bernas berbanding golongan tua kerana ilmu itu adalah anugerah daripada Allah SWT (al-Musāyilīhī 2020, 34). Namun begitu, sebaiknya didahulukan merujuk pandangan golongan terdahulu terutama yang sememangnya dikenali dan diyakini memiliki pengalaman serta ilmu yang lebih luas. ‘Abd al-Fattāh al-Musāyilīhī ketika menghuraikan tindakan Ibn Umar ini menyebutkan bahawa

إِنَّ فِعْلَ ابْنِ عُمَرَ مِنْ عَدَمِ الْإِجَابَةِ كَانَ هُوَ الْأَفْضَلُ؛ لِأَنَّهُ غَلَبَ عَلَيْهِ الْأَدَبُ فَاسْتَحْيَا، وَقَدْ وَصِفَ ابْنُ عُمَرَ هُنَا بِالْأَدَبِ وَالْفَهْمِ مَعًا.

Terjemahan:: Tindakan Ibn Umar yang tidak mahu menjawab persoalan Nabi SAW itu adalah lebih baik. Perasaan malu yang beliau rasakan adalah kerana memiliki ketinggian adab. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa Ibn Umar seorang individu yang berilmu lagi beradab (al-Musāyilīhī 2020, 35).

Hadith Berkaitan Elemen Empati Intelektual

Empati intelektual pula merujuk kepada kesediaan minda untuk membayangkan dan meletakkan diri dalam posisi orang lain. Elemen ini berasaskan dua komponen utama, iaitu kejujuran serta

keterbukaan untuk memahami pandangan, idea dan emosi mengikut perspektif pihak lain. Dalam usaha memahami sesuatu perkara menurut perspektif orang lain, sikap empati intelek mengambil kira aspek kredibiliti sumber maklumat yang digunakan oleh pihak lain sebelum memulakan proses refleksi terhadap sistem kepercayaan diri. Hal ini kerana, menurut Linker empati intelek melibatkan perihal berfikir, merasai dan merefleksi (Andrea 2019, 7-8). Memiliki sifat empati intelek membolehkan perbezaan pandangan ditangani secara harmoni dan tidak tergesa-gesa mencari kesalahan, sebaliknya mementingkan kejelasan hujah. Namun, elemen empati intelek bukanlah sesuatu yang mudah untuk dipraktikkan kerana manusia cenderung untuk mempertahankan pendirian sendiri dan mengabaikan perspektif orang lain (Paul & Elder 2006, 200). Oleh itu, kemahiran ini memerlukan latihan yang berterusan sejak awal disertai kesedaran dan kesungguhan untuk mengatasi sifat egosentrik (Paul & Elder 2007, 16). Hadith yang menunjukkan kewujudan elemen empati intelek adalah yang diriwayatkan oleh Abī Bakrah

النَّبِيُّ ﷺ قَعَدَ عَلَى بَعِيرِهِ وَأَمْسَكَ إِسْطَنْ بِخَطَامِهِ أَوْ بِزِمَامِهِ قَالَ: أَيُّ يَوْمٍ هَذَا فَسَكَتْنَا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ سِوَى اسْمِهِ قَالَ: أَلَيْسَ يَوْمَ النَّحْرِ؟ قُلْنَا: بَلَى قَالَ: فَأَيُّ شَهْرٍ هَذَا؟ فَسَكَتْنَا حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِغَيْرِ اسْمِهِ فَقَالَ: أَلَيْسَ بِذِي الْحِجَّةِ؟ قُلْنَا: بَلَى قَالَ: فَإِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ بَيْنَكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا، فِي شَهْرِكُمْ هَذَا، فِي بَلَدِكُمْ هَذَا، لِيُبْلَغَ الشَّاهِدُ الْغَائِبَ، فَإِنَّ الشَّاهِدَ عَسَى أَنْ يُبْلَغَ مَنْ هُوَ أَوْعَى لَهُ مِنْهُ

Terjemahan: Suatu ketika Nabi SAW menunggang untanya dan seorang lelaki memegang tali unta tersebut. Nabi SAW bertanya, "Hari apakah ini?" Kami berdiam diri, memikirkan bahawa Baginda mungkin akan memberi nama lain kepada hari itu. Baginda berkata, "Bukankah itu hari al-Nahr (menyembelih binatang korban)?" Kami menjawab, "Ya". Baginda bertanya lagi, "Bulan apakah ini?" Kami kembali berdiam diri, memikirkan bahawa Baginda mungkin akan memberikannya nama lain. Lalu Baginda berkata, "Bukankah itu bulan Zulhijjah?" Kami menjawab, "Ya". Baginda berkata, "Sesungguhnya darah, harta dan kehormatanmu adalah haram sesama kamu, seperti kesucian hari ini, di bulan ini dan di kota ini. Hendaklah mereka yang hadir menyampaikan kepada mereka yang tidak hadir kerana boleh jadi mereka yang tidak hadir lebih memahami daripada mereka yang hadir". (al-Bukhārī, 1993, Hadis no. 67)

Hadith ini menegaskan bahawa tugas menyebar dan menjelaskan ilmu agama itu merupakan tanggungjawab ke atas setiap Muslim dan dikira sebagai amalan yang mulia di sisi Allah SWT. Tanggungjawab ini mesti dilakukan secara berterusan kerana kemungkinan generasi terkemudian lebih memahami makna dan menyingkap hikmah dengan lebih mendalam berbanding generasi yang terdahulu. Dari sudut pedagogi, guru disarankan menyampaikan ilmu dari kedudukan yang lebih tinggi berbanding hadirin. Kedudukan ini bukanlah melambangkan sifat *takabbur*, tetapi bagi memastikan bahawa suara dan mesej pengajaran dapat didengar dengan jelas oleh pelajar. Hadith ini menunjukkan bahawa strategi kedudukan penyampai juga menjadi salah satu pendekatan yang berkesan dalam proses pengajaran (al-Shāfi'ī, 2008, 318). Selain itu, guru digalakkan untuk mengulang-ulangi isi-isi pengajaran yang penting sebanyak dua atau tiga kali agar perhatian hadirin lebih tertumpu kepada perkara yang diulangi tersebut. Hadith ini juga jelas menegaskan pengharaman pertumpahan darah, kerosakan harta dan

pencabulan kehormatan, sebagaimana haramnya perbuatan tertentu pada hari *al-Nahr*, di bulan Zulhijjah, di tanah suci Mekah. Penekanan Nabi SAW terhadap tiga perkara ini bertujuan untuk menegur kelalaian masyarakat Arab Jahiliyah yang meremehkan perkara tersebut (al-‘Asqalānī, 1970, 159).

Hadith ini turut memperlihatkan adab para sahabat apabila mereka memilih untuk berdiam diri ketika ditanya oleh Nabi SAW. Diam mereka itu adalah manifestasi adab mereka terhadap Nabi SAW. Dalam riwayat lain, setiap kali Nabi SAW mengulangi soalan, para sahabat menjawab: "اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَكْبَرُ" (al-Shāfi‘ī, 2008, 148). Menurut Ibn al-Mulaqqin, jawapan ini adalah "دلالة على حسن أدبهم", yakni bukti kesantunan adab mereka terhadap Rasulullah SAW. Respons para sahabat terhadap soalan Nabi SAW inilah yang memperlihatkan kewujudan elemen empati intelek dalam hadith. Walaupun mereka berkemungkinan mampu untuk meneka jawapan, namun mereka memilih untuk tidak menjawab dan menunggu penjelasan lanjut daripada Nabi SAW (al-Shāfi‘ī, 2008, 319). Ibn Hajar mensyarahkan potongan hadith dengan menyatakan:

حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ سَيُسَمِّيهِ بِسَوَى اسْمِهِ. فَفِيهِ إِشَارَةٌ إِلَى تَفْوِيضِ الْأُمُورِ الْكُلِّيَّةِ إِلَى الشَّارِعِ

Terjemahan: Potongan hadith yang menyebutkan bahawa para sahabat menyangka bahawa Nabi SAW ingin memberikan nama-nama yang baharu menunjukkan bahawa mereka menyerahkan segala penentuan perkara berkaitan syarak kepada Empunya Syariat (al-‘Asqalānī, 1970, 159).

Tindakan para sahabat yang bersangka baik bahawa Baginda SAW berkemungkinan mahu memberikan nama yang baharu menzahirkan keakuran dan ketaatan mereka bahawa hanya Nabi SAW yang berautoriti dalam menggubal setiap urusan agama kerana Baginda adalah utusan Allah SWT. Mereka juga meyakini bahawa Baginda tidak akan berdiam diri terhadap persoalan yang ditanyakannya itu kerana ia berkait dengan tugas kerasulan iaitu menyampaikan dan menjelaskan wahyu. Berdasarkan sikap tersebut, antara komponen kepada elemen sifat empati intelek adalah mendahulukan sangkaan yang baik agar tidak tergesa-gesa untuk merespons terhadap sesuatu perkara.

Hadith Berkaitan Elemen Menyasarkan Objektif Yang betul

Aktiviti berfikir tidak akan berlaku melainkan untuk mencari dan mendapatkan sesuatu. Meletakkan objektif yang jelas merupakan perkara yang paling penting dalam kerangka ilmu pemikiran kritis kerana ia adalah penentu kepada natijah akhir. Hal ini kerana, objektif yang disasarkan akan mempengaruhi perasaan, cara menilai dan memproses maklumat menurut perspektif yang telah disetkan oleh minda (Du‘ā’, 2004, 77). Meletakkan objektif yang jelas melahirkan sikap berhati-hati pada setiap langkah supaya dapat dilakukan dengan penuh ketelitian agar tidak tersasar daripada objektif yang telah diletakkan. Objektif setiap manusia dicipta mengikut sudut pandang yang dibentuk melalui pengajaran daripada pengalaman hidup yang dilalui atau daripada pengetahuan sedia ada. Namun ada kalanya objektif utama yang menjadi tujuan asal berdepan risiko gangguan daripada objektif-objektif sampingan yang timbul

kemudian sama ada kerana pengaruh kehendak diri yang mencari kepuasan atau melepaskan perasaan. Maka, meletakkan objektif dengan jelas dengan penuh kejujuran merupakan perkara utama dalam pemikiran kritis (al-Qaradāwī, 1996, 21–22). Hadith yang menunjukkan kewujudan elemen ini adalah yang diriwayatkan oleh Abī Wā'il

كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُذَكِّرُ النَّاسَ فِي كُلِّ خَمِيسٍ، فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ: يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ، لَوِ دِدْتُ أَنَّكَ ذَكَرْتَنَا كُلَّ يَوْمٍ؟ قَالَ: أَمَا إِنَّهُ يَمْنَعُنِي مِنْ ذَلِكَ أَنِّي أَكْرَهُ أَنْ أَمْلُكُكُمْ، وَإِنِّي أَتَخَوَّلُكُمْ بِالْمَوْعِظَةِ، كَمَا كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَتَخَوَّلُنَا بِهَا، مَخَافَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا

Terjemahan: Abdullah bin Mas'ud selalu mengajar orang ramai pada setiap hari Khamis. Lalu ada seorang lelaki berkata kepadanya: Wahai Abu 'Abd al-Rahman, aku sangat suka sekali sekiranya engkau mengajarkan kepada kami setiap hari. Abdullah berkata: "Sebenarnya yang menegah aku daripada berbuat demikian ialah aku tidak mahu membuatkan kamu berasa jemu. Oleh itu, aku menentukan buat kamu semua (hari tertentu) untuk memberi nasihat (pengajaran dan ilmu pengetahuan), sebagaimana Nabi SAW pernah tentukan (lakukan) untuk kami dahulu, disebabkan oleh bimbang timbulnya perasaan jemu (dan bosan) dalam diri kami". (al-Bukhārī 1993, hadis no. 70, 39)

Hadith ini menampilkan kesungguhan para sahabat dalam meneladani setiap tindakan Nabi SAW. Antaranya, Nabi SAW tidak mengadakan pengajaran agama secara terlalu kerap bagi mengelakkan umat Islam berasa jemu dan bosan. Walaupun para sahabat amat mencintai majlis ilmu, Baginda memahami fitrah manusia yang cenderung kepada keletihan dan kebosanan. Oleh itu, sela waktu antara sesi pengajian dijaga bagi memastikan kefahaman serta penghayatan ilmu dapat dicapai secara berkesan (al-Mubārak 2002, 447). Selepas kewafatan Nabi SAW, antara sahabat baginda yang menjadi tempat rujukan agama ialah 'Abdullāh ibn Mas'ūd. Beliau juga meneruskan pendekatan yang sama dengan memastikan adanya sela waktu antara kelas-kelas pengajaran. Menurut 'Abd al-Fattāh al-Musāyilīhī, tindakan Ibn Mas'ūd ini adalah berlandaskan kefahaman beliau bahawa hikmah di sebalik amalan Nabi SAW dahulu itu adalah kerana meraikan fitrah manusia. Petikan syarahan 'Abd al-Fattāh al-Musāyilīhī terhadap hadith ini adalah

مَا كَانَ عَلَيْهِ الصَّحَابَةُ مِنَ الْإِقْتِدَاءِ بِالنَّبِيِّ ﷺ وَالْمُحَافَظَةِ عَلَى سُنَّتِهِ، فَلَمَّا طَلَبُوا مِنْ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنْ يُحَدِّثَهُمْ كُلَّ يَوْمٍ، لَمْ يَفْعَلْ، وَرَأَى أَنَّ اتِّبَاعَ هَذِي النَّبِيِّ ﷺ وَمَنْهَجِهِ هُوَ خَيْرٌ هَدْيٍ مَرَاغَةُ الْفَقِيهِ لِلْمَالَاتِ وَعَدَمُ النَّظَرِ لِلْحَالِ فَقَطْ، وَهَذَا يَدُلُّ عَلَيْهِ فِعْلُ ابْنِ مَسْعُودٍ، فَمَعَ هِمَّةً مِنْ مَعَهُ وَنَشَاطِهِمْ وَطَلِبِهِمُ الْمَزِيدَ، لِكِنَّهُ خَشِيَ عَلَيْهِمُ الْمَلَلَ فِي الْمُسْتَقْبَلِ، وَهَذَا يُبَيِّنُ أَهَمِّيَّةَ دَوْرِ الْفَقِيهِ وَالْمُعَلِّمِ، فَالْفَقِيهُ يُتَّبَعِي أَلَّا يُنْظَرَ إِلَى رَغَبَاتِ النَّاسِ، وَلِكِنَّهُ يُنْظَرُ إِلَى الْحَقَائِقِ وَالْمَالَاتِ، وَلَكِنْ الْفَقِيهُ يَكُونُ أَبْصَرَ بِذَلِكَ، فَيَجِيبُهُ عَلَى غَيْرِ مَا يُرِيدُ.

Terjemahan: Para sahabat begitu gigih dalam meneladani setiap tindakan Nabi SAW kerana komited untuk menjaga sunnahnya. Apabila umat Islam meminta Ibn Mas'ud untuk mengajar mereka setiap hari, beliau tidak bersetuju untuk berbuat demikian kerana berpendapat bahawa mengikuti langkah Nabi SAW adalah tindakan yang terbaik. Para ilmuwan semestinya harus menimbangkan kesan dan akibat daripada setiap keputusan yang dilakukan dan tidak boleh hanya memandang secara permukaan sahaja. Pendekatan ini ditunjukkan

melalui tindakan Ibn Mas'ud. Walaupun beliau senang hati untuk mengajarkan ilmu-ilmu agama kepada masyarakat dan gembira melihat keterujaan mereka untuk menuntut ilmu, namun beliau tetap bimbang mereka akan berasa bosan pada masa akan datang jika pengajaran kelas-kelas agama tetap dijalankan tanpa ada sela waktu. Ini menunjukkan betapa pentingnya peranan guru yang tidak hanya menunaikan permintaan orang, tetapi perlu juga untuk mempertimbangkan kesan dan akibat daripada setiap keputusannya. (al-Mubārak 2002, 447)

Berdasarkan sikap 'Abdullāh ibn Mas'ūd dalam hadith ini, dapat dirumuskan bahawa elemen pemikiran kritis yang menyasarkan objektif yang betul merujuk kepada keperluan untuk memahami terlebih dahulu latar belakang penetapan sesuatu objektif serta kaedah pelaksanaannya sebagaimana yang telah diamalkan oleh para ilmuwan terdahulu. Pengetahuan dan pemahaman terhadap pendekatan ini merupakan suatu perkara yang penting supaya pendekatan mereka dapat dicontohi oleh umat Islam di samping menilai aspek yang wajar dikekalkan serta perkara yang boleh ditambah baik sesuai dengan konteks semasa.

Hadith Berkaitan Elemen Mengetahui Relevansi Maklumat Sokongan Yang Berkaitan

Maklumat-maklumat yang digunakan dalam sesuatu perbincangan tidak semestinya relevan dengan topik yang dibincangkan meskipun datanya tepat dan terperinci. Komponen relevansi adalah memastikan bahawa setiap maklumat yang dikemukakan betul-betul berkait dengan topik dan boleh dimanfaatkan secara terus untuk lebih meluaskan horizon perbincangan topik tersebut. Keberhasilan mengumpulkan maklumat yang tepat, terperinci bahkan relevan dengan isu adalah selangkah untuk mencapai objektif (Jarhān 2007, 67). Dengan hal yang demikian, berfikir luar daripada konteks perbincangan utama dapat dielakkan yang kemudiannya akan menghalang daripada membina kesimpulan yang menyimpang kesan daripada data yang tidak konsisten. Walaubagaimanapun, relevansi merupakan satu aspek yang agak mencabar kerana pengabaian terhadap aspek ini berlaku secara tanpa sedar yang berpunca daripada disiplin intelek yang lemah dan kurang cekap. Kelemahan ini pula adalah rentetan daripada sikap hentam kromo ketika proses mengumpulkan maklumat lalu menimbulkan kekeliruan kerana koleksi sandaran maklumat yang tidak sempurna (Jarhān 2007, 48). Justeru itu, seorang pemikir yang kritis akan cuba mengenal pasti tahap keperluan dan ketepatan maklumat selain mempersiapkan dirinya dengan asas-asas ilmu lain yang berkaitan sebelum memahami sesuatu perkara. Persediaan ini bertujuan untuk memahami perkara tersebut berdasarkan kerangka dan disiplin ilmunya yang sebenar. Hadith yang berkait dengan elemen ini adalah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَنْقَازُ الرَّمَانُ وَيُقْبَضُ الْعِلْمُ وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ وَيُلْقَى الشَّجُّ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ ". قَالُوا
وَمَا الْهَرْجُ قَالَ "الْقَتْلُ"

Terjemahan: Rasulullah SAW bersabda: Apabila telah mendekati waktu dekatnya Hari Kiamat, ilmu akan diangkat, fitnah berlaku dengan berleluasa,

kegelisahan akan ditempatkan (di hati manusia) dan akan berlaku banyak pertumpahan darah. Ada yang bertanya: Apakah itu al-harj? Baginda menjawab: pembunuhan. (al-Muslim 1916, hadis no. 2672, 2057)

Hadith ini merupakan peringatan tentang fenomena akhir zaman yang menandakan dunia bakal menghampiri masa pengakhirannya. Antara tanda utama yang dinyatakan adalah semakin berkurangan kefahaman dan pengamalan terhadap ilmu agama disebabkan kematian para ulama. Kematian mereka membawa bersama kefahaman agama yang sahih dan pandangan agama mereka yang seimbang, lalu meninggalkan masyarakat dalam keadaan yang dipenuhi kekeliruan dalam beragama. Kekaburan dalam cara hidup beragama ini kemudiannya menimbulkan banyak fitnah kerana tanpa disedari manusia mula menjadikan golongan yang tidak berkelayakan dalam bidang agama sebagai tempat rujukan mereka. Kesannya, kejahilan berleluasa sehingga mereka sesat bahkan menyesatkan orang lain melalui fatwa-fatwa menyimpang yang dikeluarkan oleh mereka yang jahil (al-Ḥarārī 2009, 596). Kehidupan dalam kejahilan turut mengakibatkan keresahan hati kerana manusia gagal menunaikan tanggungjawab dan hak menurut aturan agama dengan jelas. Puncak daripada kemelut ini adalah berlaku banyak kejadian pertumpahan darah kerana manusia saling berbunuhan tanpa mempedulikan pengharaman perbuatan tersebut, lantaran hidup dalam kegelapan tanpa cahaya agama yang benar (al-Ḥarārī 2009, 596).

Elemen relevansi maklumat dapat dilihat melalui tindakan para sahabat yang bertanyakan kepada Nabi SAW tentang maksud kalimah "الْهَرْجُ". Pertanyaan itu timbul kerana mereka mahu memahami makna yang dimaksudkan oleh Baginda secara tepat menurut konteks hadith. Hal ini kerana menurut makna asal kalimah dari segi bahasa, ia bermaksud 'banyak' dan 'percampuran' dalam konteks perkahwinan (al-Khattābī al-Bustī 1982, 84). Apabila kalimah tersebut digunakan untuk menggambarkan keadaan manusia pula, ia membawa gambaran bahawa akan berlaku keadaan manusia yang ramai dan saling bercampur. Gambaran keadaan ini adalah kurang jelas dan mengelirukan. Ia merupakan respons semula jadi apabila berlaku kekeliruan, namun perlu diingatkan bahawa soalan-soalan yang diajukan mesti dilakukan dengan penuh adab dan tujuan yang jelas iaitu untuk memperjelas makna agar kefahaman yang diperoleh benar-benar selaras dengan maksud penutur, bukan berniat untuk menimbulkan provokasi dan perselisihan (al-ʿAsqalānī 1970, 14). Oleh itu, timbul keperluan di fikiran sahabat untuk bertanyakan penjelasan lanjut daripada Nabi SAW tentang konteks makna terhadap perkataan tersebut. Dalam sebuah riwayat yang lain riwayat Abdullah, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan "الْهَرْجُ" ialah pembunuhan, sebagaimana yang diertikan dalam bahasa Habsyah (al-Ḥarārī 2009, 596).

بَيْنَ يَدَيِ السَّاعَةِ أَيَّامُ الْهَرْجِ، يَرُولُ فِيهَا الْعِلْمُ وَيَظْهَرُ فِيهَا الْجَهْلُ. قَالَ أَبُو مُوسَى: وَالْهَرْجُ: الْقَتْلُ بِلِسَانِ الْحَبَشَةِ.

Terjemahan: Menjelang waktu menghampiri kiamat, hari-hari yang berlalu akan terjadi banyak pembunuhan, ilmu dihilangkan dan berleluasa kejahilan dengan jelas. Abu Musa mengatakan bahawa "al-harj" yang dimaksudkan adalah pembunuhan iaitu sepertimana yang dimaksudkan oleh orang-orang Habsyah. (al-Bukhari 1993, hadis no. 6656, 2590)

Muhammad Amin al-Harari menjelaskan makna hadith ini dengan menyatakan bahawa:

وَأِنَّمَا خَصَّهُ بِلسَانِ الْحَبَشَةِ لِأَنَّ أَصْلَ الْكَلِمَةِ فِي اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ بِمَعْنَى الْإِخْتِلَافِ، وَقَدْ تُسْتَعَارُ لِمَعْنَى الْقَتْلِ، وَأَمَّا فِي لِسَانِ الْحَبَشَةِ فَهُوَ بِمَعْنَى الْقَتْلِ ابْتِدَاءً.

Terjemahan: Dimaksudkan bahawa pengertian makna kalimah itu sebagaimana yang difahami oleh masyarakat Habsyah. Hal ini kerana, dalam Bahasa Arab perkataan tersebut pada asalnya bermaksud percampuran dan untuk diertikan dengan maksud pembunuhan adalah sekadar makna pinjaman. Manakala masyarakat Habsyah sememangnya telah sedia memahami bahawa perkataan tersebut bermaksud pembunuhan (al-Hararī 2009, 596).

Bahkan Ibn Hajar juga menyebut bahawa sahabat bertanya maksud kalimah ini dengan pelbagai bentuk soalan seperti "وَمَا هُوَ؟", "أَيُّ شَيْءٍ؟", "إِيشْ؟" (riwayat al-Isma'īlī), dan "إِيشْ؟" (riwayat Abī Dāwūd) (al-'Asqalānī 1970, 14). Walaupun gaya soalnya berbeza, matlamatnya tetap sama iaitu memastikan kefahaman yang benar sebagaimana yang dimaksudkan oleh Nabi SAW. Daripada peristiwa ini, dapat difahami bahawa teknik soalan juga merupakan antara komponen penting dalam pemikiran kritis dalam usaha mendapatkan informasi yang relevan dan tepat.

Hadith Berkaitan Elemen Mementingkan Fakta dan Teori

Keabsahan fakta dan teori yang menjadi paksi dalam sesuatu perbincangan merupakan suatu perkara yang sangat ditekankan oleh seorang pemikir kritis. Menurut Paul-Elder, fakta dan teori kebiasaannya diperoleh daripada pengalaman hidup, hasil penyelidikan dan ilmu yang telah dimiliki. Bagi fakta dan teori yang bersumberkan pengalaman hidup, perlu lebih bersikap berhati-hati terhadap tafsiran *ibrah* daripada pengalaman tersebut kerana sesuatu yang meninggalkan kesan memori kepada manusia terutama melalui perjalanan hidup cenderung untuk berlaku bias dan *delusional* dengan keasyikan pemikiran sendiri. Oleh itu, cara memandang *ibrah* daripada pengalaman yang dilalui tidak boleh sepenuhnya dianggap sebagai perkara yang mulia dan tetap. Sebaliknya perlu dipandang sebagai suatu dimensi pemikiran yang terbuka untuk dikritik dan dinilai dari semasa ke semasa seiring perkembangan intelek (Jarhān 2007, 25). Sumber rujukan utama dan tokoh-tokoh penting bagi sesuatu bidang ilmu juga perlu diketahui dan mesti mengutamakan sumber rujukan (al-Raysūnī & Bārūt 2000, 19) yang telah diperakui *validasi* dan kesahannya oleh barisan pakar bidang ilmu tersebut (Jarhān 2007, 62). Mempraktikkan tiga komponen tersebut mencegah daripada bersikap berat sebelah yang cenderung untuk memilih maklumat yang hanya menyokong cita rasa. Tindakan beremosi seperti itu bakal memberi implikasi buruk kepada kewibawaan hujah kerana data yang tidak mapan telah membuka ruang untuk dipertikaikan. Yūsuf al-Qaraḍāwī telah meletakkan aspek kepastian maklumat dan penerimaan autoriti maklumat adalah berdasarkan kepada bukti yang kukuh sebagai ciri pertama dan terakhir dalam susunan langkah-langkah pembentukan akal seorang pemikir yang berilmu menurut al-Quran (al-Qaraḍāwī 1996, 28). Akal yang tawaduk adalah akal yang tidak terburu-buru menghukum dan mengeluarkan pendapat sebelum

didahului dengan pengesahan dan meyakini kebenaran hujah (Jabbār 2004, 78). Hadith yang mengandung elemen keempat ini adalah hadith yang diriwayatkan oleh ‘Urwah ibn al-Zubayr

قَالَتْ لِي عَائِشَةُ يَا ابْنَ أُخْتِي بَلَّغْنِي أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَمْرٍو مَارَ بِنَا إِلَى الْحَجِّ فَأَلْفَهُ فَسَأَلْتُهُ فَإِنِّهُ قَدْ حَمَلَ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ عِلْمًا كَثِيرًا، قَالَ: فَلَقِيْتُهُ فَسَأَلْتُهُ عَنْ أَشْيَاءَ يَذْكُرُهَا عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ قَالَ: عُرْوَةُ فَكَانَ فِيْمَا ذَكَرَ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْتَزِعُ الْعِلْمَ مِنَ النَّاسِ انْتِزَاعًا، وَلَكِنْ يَفْضِلُ الْعُلَمَاءَ فَيَرْفَعُ الْعِلْمَ مَعَهُمْ، وَيُتَبَقِّي فِي النَّاسِ رُؤُوسًا جُهَالًا يُفْتَوْنَهُمْ بِغَيْرِ عِلْمٍ فَيُضِلُّوْنَ، وَيُضِلُّوْنَ. قَالَ عُرْوَةُ: فَلَمَّا حَدَّثْتُ عَائِشَةَ بِذَلِكَ أَعْظَمْتُ ذَلِكَ، وَأَنْكَرْتُهَا قَالَتْ: أَحَدَّثَكَ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ هَذَا؟ قَالَ عُرْوَةُ: حَتَّى إِذَا كَانَ قَابِلٌ قَالَتْ لَهُ إِنَّ ابْنَ عَمْرٍو قَدْ قَدِمَ فَأَلْفَهُ ثُمَّ فَاتَحَهُ حَتَّى تَسْأَلَهُ عَنِ الْحَدِيثِ الَّذِي ذَكَرَهُ لَكَ فِي الْعِلْمِ قَالَ: فَلَقِيْتُهُ فَسَأَلْتُهُ فَذَكَرَهُ لِي نَحْوَ مَا حَدَّثْتِي بِهِ فِي مَرَّتِهِ الْأُولَى. قَالَ عُرْوَةُ: فَلَمَّا أَخْبَرْتُهَا بِذَلِكَ قَالَتْ: مَا أَحْسَبُهُ إِلَّا قَدْ صَدَّقَ أَرَاهُ لَمْ يَزِدْ فِيهِ شَيْئًا وَلَمْ يَنْقُصْ.

Terjemahan: Aishah berkata kepadaku, "Wahai anak kepada saudariku, telah disampaikan kepadaku bahawa Abdullah bin Amru akan lalu di hadapan kita untuk pergi menunaikan haji, maka temuilah beliau dan bertanyalah kepadanya, kerana beliau membawa ilmu yang banyak daripada Nabi SAW". Urwah berkata, "Kemudian aku menemuinya dan bertanya kepadanya mengenai beberapa perkara yang beliau menyebutkannya daripada Rasulullah SAW". Urwah berkata, "Antara yang beliau sebutkan, bahawa Nabi SAW bersabda, "Sesungguhnya Allah tidak akan mencabut ilmu daripada manusia secara langsung daripada mereka, tetapi Dia melakukannya dengan cara mengambil (mematikan) para ulama, maka akan diangkatlah juga ilmu mereka yang mereka miliki bersama-sama kematian mereka. Kemudian, hanya akan tersisa orang-orang yang jahil sebagai pemimpin mereka di dunia ini. Mereka memberi fatwa tanpa ilmu sehingga mereka sesat dan menyesatkan". Urwah berkata, "Ketika aku menyampaikan hadith tersebut kepada Aishah, beliau mengingkarinya dan berkata, "Adakah benar kamu menyampaikan bahawa beliau mendengar hadith ini daripada Nabi SAW?". Urwah menjawab, "Ya, apabila beliau kembali nanti, kita tanyakan sekali lagi". Tidak lama kemudian, Aishah berkata lagi kepada Urwah, "Ibnu Amru datang, maka temuilah beliau, dan sambutlah beliau sehingga kamu dapat bertanya kepadanya hadith tentang ilmu yang disebutkannya kepadamu". Lalu aku menemuinya dan bertanya, lalu beliau menyebutkan hadith yang sama makna seperti hadith yang beliau sampaikan kepadaku dulu". Urwah berkata, "Ketika aku khabarkan hadith itu kepada Aishah, beliau berkata, "Aku rasa beliau jujur meriwayatkan hadith itu. (Kerana) beliau tidak menambah dan tidak pula mengurangkannya sedikit pun". (al-Muslim 1993, hadis no. 2670, 58)

Nabi SAW menyampaikan peringatan tentang gambaran keadaan manusia pada akhir zaman sebagai tanda hampir tibanya kiamat. Tanda utama yang dikhabarkan adalah kelemahan umat Islam untuk memahami apatah lagi mengamalkan ilmu agama. Fenomena ini berlaku apabila ilmu agama dihilangkan dengan kematian para ulama yang alim dan faqih. Akibatnya, manusia hidup dalam kejahilan kerana ketiadaan tempat rujukan yang betul. Dalam keadaan ini, masyarakat mula merujuk urusan agama kepada golongan yang jahil sehingga mereka mengeluarkan pandangan tanpa ilmu. Situasi ini menyebabkan berlakunya kesesatan yang

bukan sahaja menimpa diri mereka, malah turut menyesatkan orang lain melalui penyebaran fatwa dan pandangan yang salah. Kehidupan yang berlandaskan kejahilan tersebut menjadikan suasana kehidupan di akhir zaman tiada keberkatan. Hal ini mencetuskan pelbagai kemungkaran seperti hilangnya sifat malu, suburnya perasaan iri hati, dendam, fitnah, berleluasanya aktiviti minuman keras dengan pelabelan nama lain untuk mengaburi hakikat kerosakannya, pembunuhan atas sebab remeh dan peperangan yang berpanjangan. Peperangan ini membawa kepada kematian besar-besaran sehingga menyebabkan bilangan kaum wanita jauh melebihi lelaki. Selain itu, perzinaan menjadi semakin berleluasa kerana telah hilang rasa malu dan masa dirasakan berlalu dengan begitu pantas (Lāshīn 2002, 208).

Hadith ini diriwayatkan oleh 'Urwah ibn al-Zubair setelah diminta oleh 'Ā'ishah RA supaya beliau menemui 'Abdullah ibn 'Amr yang dikhabarkan akan menunaikan haji pada tahun itu dan bertanya kepada beliau tentang hadith yang dimilikinya. 'Abdullah ibn 'Amr sememangnya terkenal sebagai sahabat yang memiliki banyak hadith. Setelah mendapatkan hadith tersebut, 'Urwah kembali kepada 'Ā'ishah RA dan membacakannya. Namun, 'Ā'ishah RA menunjukkan reaksi keberatan untuk menerima hadith tersebut kerana dikhuatiri bahawa ia hanyalah kata-kata hikmah daripada kitab Ahl al-Kitāb yang dibaca oleh 'Abdullah ibn 'Amr lalu beliau keliru dan disandarkan kepada Nabi SAW. Justeru itu 'Ā'ishah RA meminta 'Urwah agar berjumpa semula dengan 'Abdullah ibn 'Amr pada tahun berikutnya sekembalinya beliau daripada menunaikan haji pada tahun hadapan. Setelah 'Urwah menemui Abdullah ibn 'Amr untuk kali kedua seperti yang diminta oleh Aisyah RA, beliau kembali dan meriwayatkan hadith yang sama tanpa sebarang penambahan dan pengurangan sepertimana pada kali yang pertama. Dengan itu, Aisyah RA menerima bahawa hadith tersebut sememangnya daripada Nabi SAW (Lāshīn 2002, 210-211).

Hadith ini mengandungi pelbagai pengajaran, namun aspek latar belakang periwayatan hadith ini jelas menonjolkan ciri-ciri pemikiran kritis yang berorientasikan elemen mementingkan fakta atau teori sebelum menerima sesuatu maklumat. Pertama, seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawī dalam syarahannya terhadap hadith ini akan kepentingan untuk memastikan bahawa sumber rujukan diambil daripada pihak yang berautoriti. Beliau menegaskan

وَفِي وَفِي هَذَا الْحَدِيثِ الْحَثُّ عَلَى جَفْظِ الْعِلْمِ وَأَخْذِهِ عَنْ أَهْلِهِ وَاعْتِرَافُ الْعَالِمِ بِالْفَضِيلَةِ

Terjemahan: Hadith ini juga memberi galakan supaya menjaga ketulenan dan menuntut ilmu daripada golongan pakar yang diiktiraf keilmuannya oleh sarjana yang lain (al-Nawawī 1392, 225)

Hal ini terlihat daripada tindakan 'Ā'ishah RA yang secara spesifik mengarahkan 'Urwah agar menemui 'Abdullah ibn 'Amr untuk mendapatkan hadith. Pemilihan ini dibuat kerana 'Ā'ishah RA mengetahui latar belakang, keperibadian dan kedudukan 'Abdullah ibn 'Amr sebagai seorang sahabat yang berwibawa serta diiktiraf oleh masyarakat akan kealimannya (al-Nawawī 1392, 225). Kedua, Musa Syahīn Lāshīn menekankan kepentingan untuk mendapatkan *validasi* dan justifikasi kesahihan maklumat. Beliau menyebut

وَالْتَنَبُّهُ فِيمَا يُحَدِّثُ بِهِ الْمُحَدِّثُ إِذَا قَامَتْ قَرِينَةُ الدُّهُولِ

Terjemahan: Perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak yang mengeluarkan kenyataan jika terdapat kekeliruan terhadap apa yang dikatakan Perbuatan ini juga dilakukan oleh tindakan Aisyah RA yang meminta 'Urwah supaya sekali lagi bertemu dengan Abdullah ibn 'Amr dan mendapatkan pengesahan daripada beliau tentang status hadith ini (Lāshīn 2002, 212–213).

Prinsip ini juga tercermin daripada tindakan 'Ā'ishah RA yang meminta 'Urwah untuk menemui 'Abdullah ibn 'Amr buat kali yang kedua bagi memastikan bahawa status hadith tersebut benar-benar diungkapkan oleh Nabi SAW. Ketiga, Qāḍī 'Iyāḍ pula menggariskan aspek konsistensi dalam penyampaian. Beliau menyatakan

قَالَتْ لَهُ: أُحَدِّثُكَ أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ هَذَا، فَلَمَّا كَرَّرَهُ مَرَّةً أُخْرَى بِحَسْبِهِ، وَأَسْنَدُهُ عَنِ النَّبِيِّ - عَلَيْهِ السَّلَامُ - غَلَبَ عَلَى ظَنِّهَا أَنَّهُ جَاءَ بِهِ عَلَى مَا سَمِعَهُ.

Terjemahan: Aisyah RA bertanya kepada 'Urwah tentang kebenaran Abdullah ibn Mas'ud mendengarkan hadith ini daripada Nabi SAW. Setelah kepulangan 'Urwah daripada menemui Abdullah ibn Mas'ud buat kali kedua, beliau melaporkan hadith yang sama kepada Aisyah RA dan menyandarkan sanadnya kepada Nabi SAW. Maka dengan itu, Aisyah RA meyakini daripada periwayatan 'Urwah itu bahawa hadith ini benar-benar diucapkan oleh Nabi SAW (Qāḍī 'Iyāḍ, 1998, 169).

Kisah ini juga memperlihatkan sifat amanah dan integriti 'Urwah kerana beliau langsung tidak menyelewengkan fakta iaitu hadith ini bagi meyakinkan 'Ā'ishah RA, bahkan mengekalkan lafaz hadith. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa komponen kepada pemikiran kritis mementingkan fakta dan teori daripada hadith ini adalah mengenal pasti sumber yang berautoriti sebagai rujukan, mendapatkan validasi dan justifikasi kesahihan maklumat dan menjaga amanah iaitu konsistensi dalam penyampaian fakta.

Hadith Berkaitan Elemen Meluaskan Sudut Pandang

Perbincangan yang berkesan adalah perbincangan yang padat dengan dipastikan bahawa hala tuju perbincangan berlaku dalam kerangka yang telah dibataskan. Kegagalan memahami konteks perbincangan menjadi punca kepada kesan domino yang negatif. Bermula daripada kriteria pemilihan maklumat, metodologi perbincangan kemudian pembentukan kesimpulan (Elder & Paul, 2012, 97). Memahami skop dan batasan perbincangan membantu minda untuk menganalisis dan mengetengahkan idea-idea daripada sudut pandang yang bertumpu. Dengan hal yang demikian, proses menerima pendapat seterusnya menilai kekuatan dan kelemahan idea daripada pihak lain dilakukan dengan penuh ketelitian. Hal ini kerana minda telah memahami konteks perbincangan dan mampu untuk menyaring maklumat-maklumat yang bernilai bagi mendapatkan keterangan penting seperti definisi, latar belakang, masalah-masalah kompleks

yang terlibat, perkembangan terkini, faktor dan kesan dalam usaha mendapatkan kefahaman secara komprehensif.

Meraikan sudut pandang yang berbeza membantu meluaskan spektrum pemikiran kerana ia memberi ruang kepada minda untuk membentuk kefahaman terhadap perkara yang sama dengan lontaran idea daripada sisi penilaian yang berbeza (Jarhān, 2007, 63). Di akhir perbincangan, hasil kupasan yang terkumpul adalah merangkumi keseluruhan aspek yang berkaitan. Hasil yang positif ini berjaya diperoleh kesan daripada suasana pertukaran idea yang berlangsung dalam keadaan harmoni dan penuh hormat terhadap titik-titik perbezaan dan sensitiviti. Perkara ini berlaku kerana wujudnya dua komponen iaitu sikap keterbukaan untuk menerima kepelbagaian pendapat daripada dapatan sumber yang berlainan dan sifat rendah diri untuk mengakui limitasi ilmu yang dimiliki (Jarhān, 2007, 98). Oleh itu, seorang pemikir kritis akan sentiasa mempersoalkan kecukupan maklumat yang relevan dan mencari informasi tambahan atau pandangan-pandangan lain untuk menajamkan penilaian dan meluaskan lagi sudut pandangnya. Semua ini menunjukkan kewujudan minda intelek yang berani mencabar pengetahuan sedia ada dan bersedia untuk mengubah pendirian sendiri kepada yang lebih baik sekiranya menemui maklumat yang lebih tepat (Jarhān, 2007, 98). Hadith yang mengandungi elemen ini adalah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abī Mulaykah

أَنَّ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ ﷺ: كَانَتْ لَا تَسْمَعُ شَيْئًا لَا تَعْرِفُهُ، إِلَّا رَاجَعَتْ فِيهِ حَتَّى تَعْرِفَهُ، وَأَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ حُوسِبَ عَذِبَ. قَالَتْ عَائِشَةُ: فَقُلْتُ: أَوَلَيْسَ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿فَسَوْفَ يُحَاسَبُ حِسَابًا يَسِيرًا﴾. قَالَتْ: فَقَالَ: إِنَّمَا ذَلِكَ الْعَرْضُ، وَلَكِنْ: مَنْ نُوقِشَ الْحِسَابَ يَهْلِكُ.

Terjemahan: Sesungguhnya Aisyah RA, isteri Nabi SAW tidak mendengar sesuatu yang tidak difahaminya melainkan beliau akan bertanya kembali Nabi SAW untuk memahaminya dengan baik. Pernah Nabi SAW bersabda: "Sesiapa yang dihisab, dia akan diseksa". Aisyah RA berkata, aku pun terus menyampuk: "Bukankah Allah Taala berfirman: "Dia nanti akan dihitungkan dengan perhitungan yang mudah" (Surah al-Inshiqaq). Aisyah RA berkata: Maka Nabi SAW bersabda: "Itu hanya pembentangan untuk timbangan amal tetapi sesiapa yang diperincikan perhitungannya (dipersoal suratan amalan), maka akan diseksalah dia". (al-Bukhari 1993, hadis no. 103, 51)

Hadith ini menegaskan bahawa hari kiamat dan proses hisab adalah suatu kepastian yang akan berlaku. Pada ketika itu, manusia akan dinilai dan dipersoalkan amalan mereka, lalu diberikan azab yang setimpal dengan amalan masing-masing. Penerimaan amalan tidak semata-mata bergantung kepada usaha manusia, tetapi ditentukan oleh rahmat Allah SWT yang menjadi faktor penentu kejayaan hamba-Nya. Ibn Hajar menekankan bahawa hadith ini juga memperlihatkan kesungguhan 'Ā'ishah RA dalam memahami hadith Nabi SAW. Beliau segera membina kesinambungan antara sabda Nabi SAW dengan ayat ke-8 daripada Surah al-Inshiqaq yang dirasakan mempunyai perkaitan dan terus bertanyakannya kepada Baginda untuk mendapatkan penjelasan. Tindakan ini memperlihatkan bahawa cara Aisyah RA untuk memperkukuh kefahamannya tentang sesuatu hadith adalah dengan mencari rujukan daripada sumber lain. Dalam kes ini ialah al-Qur'an (al-'Asqalānī, 1970, 197). Menurut Ibn Hajar lagi,

penggunaan *fi'l muḍāri'* pada awal matan hadits "كَأَنَّهُ لَا تَسْمَعُ" menggambarkan anugerah ketajaman akal 'Ā'ishah RA yang memiliki keluasan ilmu dan pantas membuat semakan apabila menemui kemusykilan (al-'Asqalānī, 1970, 197). Tindakan Aisyah RA tersebut menunjukkan dua komponen penting untuk meluaskan sudut pandang iaitu mengetahui bahan rujukan lain dalam sesuatu bidang serta bijak mengenal pasti bahagian atau maklumat yang relevan dengan skop yang sedang dibincangkan. Hasilnya, hanya soalan-soalan yang tepat dan benar-benar membantu sahaja akan diajukan supaya mendapat kefahaman dengan cepat dan menyeluruh.

Hadith Berkaitan Elemen Membina Kesimpulan Bersesuaian Semasa

Kesimpulan adalah tafsiran daripada makna maklumat yang dibentuk setelah menganalisis dan menggabungkan inferens-inferens yang dikenal pasti daripada data yang terkumpul. Inferens pula dilakukan dengan memilih kemudian mengintegrasikan idea-idea yang terdapat pada teks dengan idea yang telah sedia ada dalam fikiran yang digarapkan sama ada daripada pengalaman, pemerhatian atau pembacaan (Facione 2013, 6). Inferens tidak diterima jika idea yang dikemukakan tidak disebut dalam teks atau menyimpang daripada makna yang dimaksudkan oleh teks tersebut. Dengan hal yang demikian, seorang pemikir kritis yang sentiasa membina kesimpulan bersesuaian semasa adalah kerana mereka mengambil kira tiga komponen iaitu mementingkan aspek kesahan data, malah akan memastikan bahawa data-data yang terkumpul bersifat saling menyokong antara satu sama lain di samping mengambil kira aspek realiti semasa untuk menjangkakan implikasi positif dan negatif yang akan timbul kesan daripada kesimpulan yang akan dibina. Impak positif semestinya lebih diharapkan berbanding impak yang negatif. Data yang lengkap apabila dicerna dengan baik oleh sistem pemikiran yang seimbang menjadi penyumbang kepada cetusan idea yang mendatangkan banyak manfaat terhadap sesuatu isu yang diketengahkan. Hal ini kerana, data yang lengkap merupakan faktor utama dalam penentuan korelasi antara inferens dan kesimpulan yang akan dibina adalah logik. Dengan itu, kesimpulan yang dibina akan dipastikan menyentuh keseluruhan aspek yang berkaitan berdasarkan set data yang lengkap dan sahih itu tadi serta relevan dengan keadaan semasa. Seorang pemikir kritis sentiasa akan cuba memahami isu dan berusaha mencari sebuah kesimpulan dalam rangka yang sesuai dengan konteks kontemporari selain mengambil kira kemungkinan-kemungkinan positif yang akan timbul hasil daripada kesimpulan yang terbina. Contoh hadith yang mengandungi elemen ini adalah hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ، وَمُعَاذُ رَدِيفُهُ عَلَى الرَّحْلِ، قَالَ: يَا مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ. قَالَ: لَبَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ، قَالَ: يَا مُعَاذُ. قَالَ: لَبَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَسَعْدَيْكَ، ثَلَاثًا، قَالَ: مَا مِنْ أَحَدٍ يَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ، صِدْقًا مِنْ قَلْبِهِ إِلَّا حَرَّمَهُ اللَّهُ عَلَى النَّارِ. قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، أَفَلَا أُخْبِرُ بِهِ النَّاسَ فَيَسْتَبْشِرُوا؟ قَالَ: إِذَا بَتَّكَلُوا. وَأَخْبَرَ بِهَا مُعَاذٌ عِنْدَ مَوْتِهِ ثَلَاثًا.

Terjemahan: Nabi SAW bersabda kepada Mu'az yang ketika itu membonceng binatang tunggangan bersama baginda: "Wahai Mu'az bin Jabal". Mu'az RA menjawab: "Aku penuhi panggilanmu dan bersedia mentaatimu". Nabi SAW berkata lagi: "Wahai Mu'az". Mu'az RA menjawab: "Aku penuhi panggilanmu

dan bersedia mentaatimu". Panggilan dan jawapan Mu'az berlaku sebanyak tiga kali. Nabi SAW kemudian bersabda: "Tiada seorang pun yang bersaksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Muhammad ialah utusan Allah secara tulus dari hatinya melainkan Allah akan mengharamkan baginya neraka". Mu'az lalu berkata: "Wahai Rasulullah, tidakkah sebaiknya aku sampaikan berita gembira ini kepada orang ramai agar mereka merasa gembira?". Rasulullah SAW menjawab: "Nanti mereka berserah sahaja (tidak mahu beramal lagi)". Bagaimanapun, Mu'az menceritakan hadith ini (kepada orang ramai) ketika beliau hampir dengan saat kematian kerana takut berdosa (kerana menyembunyikan hadith). (al-Bukhari 1993, hadis no. 128, 59)

Nabi SAW mengkhabarkan berita gembira kepada Mu'az bin Jabal RA iaitu jaminan bahawa sesiapa yang mengakui tiada Tuhan yang layak disembah melainkan Allah SWT dan Muhammad SAW sebagai utusan-Nya dengan penuh keikhlasan serta memaknainya dengan sebenar-benar makna, maka dirinya akan dilindungi daripada api neraka. Namun begitu, kegembiraan tersebut bukanlah sesuatu yang mutlak kerana ia terikat dengan beberapa syarat. Penyaksian tersebut mesti diyakini oleh hati, diikrarkan dengan lisan dan diterjemahkan dalam bentuk amal soleh yang selari dengan syariat serta dilaksanakan dengan penuh istiqamah. Disebabkan jaminan ini terikat dengan syarat-syarat tersebut, maka Nabi SAW melarang Mu'az bin Jabal daripada berkongsi hadith ini kepada orang awam kerana dibimbangi mereka akan berpada pada amalan zahir sahaja dan mengabaikan aspek dalaman yang tidak dapat diketahui melainkan diri mereka sendiri. Mendengarkan arahan tersebut, Mu'az mentaatinya. Namun pada akhir hayatnya Mu'az memilih untuk berkongsi juga hadith ini kepada orang ramai kerana beliau takut akan mendapat dosa lantaran perbuatan menyembunyikan hikmah ilmu yang besar dan berita menggembirakan ini daripada pengetahuan orang ramai. Tambahan pula, beliau memahami bahawa larangan Nabi SAW itu berbentuk *tanzih* bukannya pengharaman secara total (al-Barmawī, 1970, 226–227). Dalam mensyarahkan hadith ini, al-Marbawi menegaskan bahawa larangan tersebut terikat dengan konteks umat Islam ketika itu yang berada di garis masa baharu memeluk Islam dan mudah terdedah kepada salah faham. Beliau menyebut:

لَأَنَّ نَهْيَهُ مُقَدِّدٌ بِالْإِتِّكَالِ؛ إِذْ كَانُوا حَدِيثِي عَهْدٍ بِالإِسْلَامِ، فَلَمَّا زَالَ الْقَيْدُ، وَتَبَيَّنُوا، وَصَارُوا حَرِيبِينَ عَلَى الْعِبَادَةِ؛ لَمْ يَبْقَ نَهْيٌ. أَوْ الْمُرَادُ أَنَّهُ لَا يُخْبَرُ بِهَا الْعَوَامُ؛ لِأَنَّهُ مِنَ الْأَسْرَارِ الإِلَهِيَّةِ الَّتِي لَا يَجُوزُ كَشْفُهَا إِلَّا لِلْخَوَاصِّ، وَلِهَذَا أَخْبَرَ بِهِ – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – مَنْ يَأْمَنُ عَلَيْهِ الإِتِّكَالُ، فَسَلَكَ مُعَادًا ذَلِكَ، وَلَمْ يُخْبِرْ بِهِ إِلَّا مَنْ رَأَاهُ أَهْلًا لِذَلِكَ.

Terjemahan: Larangan menyebarkan hadith ini terikat dengan beberapa keadaan masyarakat ketika itu yang mana mereka masih berada di fasa-fasa awal Islam. Apabila telah hilang halangan yang mengikat larangan tersebut dan umat Islam telah bersungguh-sungguh melakukan ibadah, maka Mu'az memahami bahawa larangan tersebut telah terangkat. Selain itu yang dimaksudkan juga dengan larangan itu adalah untuk tidak memaklukkannya kepada orang awam kerana ia adalah salah satu rahsia ketuhanan yang hanya boleh didedahkan kepada orang-orang tertentu yang memiliki keahlian ilmu. Justeru itu Nabi SAW mengkhabarkan hadith ini kepada Mu'az dan beliau mencontohi tindakan Nabi

SAW itu dengan hanya mengkhabarkan hadits ini kepada mereka yang memiliki keahlian ilmu menurutnya sahaja (al-Barmawī, 1970, 112)

Tindakan Mu‘az mencerminkan kefahaman beliau yang mendalam terhadap hikmah larangan Nabi SAW. Beliau memahami bahawa larangan tersebut hanyalah bersifat sementara kerana terikat dengan keadaan umat Islam pada zaman awal Islam dan berbeza dengan zamannya yang terkini. Masyarakat sudah lebih matang dalam penghayatan agama. Berdasarkan perbuatan Nabi SAW yang mengkhabarkan secara khusus hadits ini kepada beliau dan berpesan supaya tidak berkongsi dengan orang lain, Mu'az memahami bahawa makna mendalam yang terdapat di sebalik hadits ini hanya dapat disingkap oleh mereka yang alim dan *faqih* sahaja. Antara ciri-ciri mereka yang alim dan *faqih* adalah sentiasa berdampingan dengan guru yang alim serta mursyid. Berpandukan pertimbangan terhadap dua aspek ini, beliau memilih untuk meriwayatkan juga hadits ini ketika di akhir usianya dan melakukannya dalam keadaan mencontohi Nabi SAW iaitu memastikan bahawa mereka yang mendengar hadits ini adalah orang yang alim dan faqih juga (al-Barmawī, 1970, 112). Pertimbangan Mu‘az tersebut menonjolkan aplikasi elemen pemikiran kritis membuat kesimpulan bersesuaian dengan konteks semasa. Komponen yang terkandung di dalamnya adalah memahami keadaan lampau dengan sebaiknya, menilai keadaan semasa dengan adil dan mempertimbangkan aspek keutamaan dan keperluan. Selain itu, hadits ini juga memberi pengajaran tentang kepentingan menyesuaikan penyampaian dengan tahap intelek pendengar. Penyampaian yang mengabaikan aspek ini akan menimbulkan kekeliruan, salah faham, bahkan fitnah terhadap agama (al-Musāyilī, 2020, 217–219).

Perincian bagi setiap elemen pemikiran kritis yang terlibat menunjukkan bahawa setiap elemen mengandungi komponen-komponen utama yang membentuk setiapnya. Justeru itu, dalam mengatakan sama ada seseorang itu pemikir kritis adalah diukur berdasarkan interpretasi tindakannya yang menunjukkan perlakuan setiap komponen. Jadual di bawah menunjukkan ringkasan analisis bagi setiap elemen bersama komponen yang membentuk setiap elemen tersebut.

Jadual 1 Integrasi Komponen Bagi Setiap Elemen Pemikiran Kritis Berdasarkan Model *Paul-Elder* dan Hadith

Bil	Elemen Pemikiran Kritis	Bil	Komponen Elemen
1	Sifat intelek merendahkan diri	1	Mengakui keterbatasan ilmu
		2	Terbuka menerima pandangan pihak lain
		3	Bersederhana
		4	Berhati-hati memberi pandangan
2	Memiliki sifat empati intelek	1	Bersangka baik
		2	Jujur dalam memahami mengikut sudut pandang dan emosi pihak lain
		3	Tidak terburu-buru

3	Menyasarkan objektif yang betul	1	Jelas seiring wahyu
		2	Mengambil kira dan memahami latar belakang pendekatan ilmuwan terdahulu
4	Mengetahui relevansi maklumat yang berkaitan	1	Tepat dengan skop topik
		2	Aplikasi teknik soalan untuk mendapatkan maklumat
5	Mementingkan fakta dan teori	1	Memilih sumber sahih yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh berautoriti
		2	Beramanah dengan maklumat
6	Meluaskan sudut pandang	1	Terbuka untuk memahami secara keseluruhan bahan rujukan yang berbeza
		2	Memastikan maklumat saling menyokong
7	Membina kesimpulan bersesuaian semasa	1	Mengambil kira dan memahami konteks zaman lampau dan semasa
		2	

KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisis terhadap hadith-hadith dalam *Kitab al-'Ilm al-Sahihain* menunjukkan bahawa elemen-elemen pemikiran kritis yang digariskan dalam model Paul-Elder mempunyai kesepadanan dengan tradisi keilmuan Islam. Elemen-elemen seperti sifat intelek merendahkan diri, empati intelek, menyasarkan objektif yang betul, mengetahui *relevansi* maklumat yang berkaitan, mementingkan fakta dan teori, meluaskan sudut pandang dan membina kesimpulan bersesuaian dengan konteks semasa membentuk suatu kerangka berfikir yang bersifat sistematik, berdisiplin dan komprehensif. Hal ini memperlihatkan bahawa pemikiran kritis dalam perspektif Islam bukan sekadar menekankan aspek kognitif semata-mata, tetapi turut berpaksikan prinsip adab, akhlak serta kesedaran terhadap keterbatasan akal manusia yang memerlukan bimbingan wahyu dan pandangan para ulama. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pengamalan pemikiran kritis dalam Islam telah lama dipraktikkan oleh para sahabat dan generasi awal umat Islam melalui interaksi mereka dengan hadith, sama ada ketika bertanya, menilai atau menyampaikan hadith. Aplikasi pemikiran kritis yang ditunjukkan melalui hadith-hadith yang dikaji menekankan kepentingan untuk bersikap teliti dalam memahami maklumat, kepekaan terhadap keadaan semasa dan jujur dalam penyampaian ilmu tanpa menokok tambah. Justeru, pemikiran kritis bukanlah suatu konsep asing bagi tradisi Islam, sebaliknya telah wujud dalam metodologi keilmuan Islam yang sentiasa menuntut kesahihan sumber, ketepatan makna dan kematangan yang berhikmah dalam menghubungkan teks dengan realiti. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemikiran kritis dalam Islam bersifat integratif, iaitu menggabungkan kecerdasan anugerah intelektual dengan nilai kerohanian dan akhlak. Justeru itu, penguasaan dan pemeraksanaan kemahiran pemikiran kritis berdasarkan kerangka Islam adalah penting yang bukan sahaja berperanan

untuk melindungi ketulenan dalam memahami makna hadits dan disiplin ilmu agama, bahkan juga bagi memastikan tradisi keilmuan Islam kekal relevan, berdaya tahan dan mampu memberikan sumbangan signifikan terhadap pembinaan masyarakat yang berilmu dan berintegriti.

Rujukan

- Al-Anṣārī Al-Shāfi'ī, A. Ḥ. S. Al-D. 'U. Ibn 'A. Ibn A. Ibn M. (2008). *Tawḍīḥ Li-Sharḥ Al-Jāmi' Al-Ṣaḥīḥ. Sūriyā: Dār Al-Nawādi.*
- Al-'Asqalānī, A. Ibn 'A. Ibn M. Ibn Ḥ. (1970). *Faṭḥ Al-Bārī Bi-Sharḥ Al-Bukhārī.* Miṣr: Maktabat Al-Salafiyyah.
- Brown, E. J. (2014). Fair-Minded Critical Thinking In Development Education: Reflections On Pedagogies For Transformation dalam *International Journal Of Development Education And Global Learning*, 6(1).
- Al-Bukhārī, A. 'A. A. M. Ibn I. (1993). *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī.* Dimashq: Dār Ibn Kathīr & Dār Al-Yamāmah.
- Elder, L., & Paul, R. (2013). Critical Thinking: Intellectual Standards Essential To Reasoning Well Within Every Domain Of Thought. *Journal Of Development Education*, 36(3).
- Al-Ḥarārī, M. A. (2009). *Kawkab Al-Wahhāj Wa Al-Rawḍ Al-Baḥḥāj Fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim.* Makkah: Dār Al-Minhāj.
- Jabbār, D. A. F. (2004). *Tafkīr Mughāyir: Tanmiyyah Mahārāt Al-Tafkīr Al-Naqīd Wa Al-Ibdā'ī Ladā Al-Aṭfāl.* Filastīn: Markaz Al-Qaṭṭān.
- James, W. (2004). *The Meaning Of Truth.* Project Gutenberg.
- Jarḥān, F. 'A. Al-R. (2007). *Ta'lim Al-Tafkīr: Maḥāḥim Wa Taṭbīqāt.* 'Ammān: Dār Al-Fikr.
- Lāshīn, M. S. (2002). *Faṭḥ Al-Mun'im Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim.* Miṣr: Dār Al-Shurūq.
- Leary, M. R. (2017). The Psychology Of Intellectual Humility. Dalam *The Psychology Of Intellectual Humility.*
- Leary, M. R., Diebels, K. J., Davisson, E. K., Jongman-Sereno, K. P., Isherwood, J. C., Raimi, K. T., Deffler, S. A., & Hoyle, R. H. (2017). Cognitive And Interpersonal Features Of Intellectual Humility. *Personality And Social Psychology Bulletin*, 1–21.
- Al-Mubārak, F. (2002). *Taṭrīz Riyāḍ Al-Ṣāliḥīn.* Riyāḍ: Dār Al-'Āshimah.
- Mukti Bin Baharudin, A. (2018). Peranan Akal Dalam Mengenali Allah S.W.T.: Kajian Terhadap Surah Al-Nahl dalam *Proceedings Of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018).* Bangi, Selangor: ILIM.
- Al-Musāyilīḥī, 'A. Al-F. (2020). *Sail Al-Aqlām Bi-Fawā'id Min Kitāb Al-'ilm Min Ṣaḥīḥ Al-Imām.* Miṣr: Maktabah 'Ulūm Wa Al-Ḥukm.
- Muslim, A. Al-Ḥ. Ibn Al-Ḥ. (1916). *Ṣaḥīḥ Muslim.* Turkiyā: Dār Al-Ṭibā'ah Al-'Āmirah.
- Paul, R., & Elder, L. (2007). *The Miniature Guide To Critical Thinking: Concepts And Tools.* Canada: The Foundation For Critical Thinking.
- Al-Qaraḍāwī, Y. (1996). *Al-'aql Wa Al-'ilm Fī Al-Qur'ān Al-Karīm.* Al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.